



# Praktis Ekstra Tema 1

## PBD Kemahiran Membaca SP 2.1.1

Baca pengumuman yang diberikan dengan sebutan dan intonasi yang betul.

### PENGUMUMAN

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Paya Kongsi, Balik Pulau dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menganjurkan Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Halaman Rumah Warga Kampung Paya Kongsi. Objektif pertandingan ini adalah untuk memupuk budaya mementingkan kebersihan dan keceriaan kawasan kediaman dan meningkatkan kesedaran bahawa penjagaan kebersihan kawasan kampung tanggungjawab bersama. Butir-butir pertandingan tersebut adalah seperti yang berikut:

Tarikh : 6 Mei 2023  
Hari : Sabtu  
Masa : 9:00 pagi hingga 10:00 malam  
Tempat : Kampung Paya Kongsi, Balik Pulau  
Yuran : RM10.00

Tempoh persediaan sebelum penilaian ialah selama seminggu bermula 1 Mei 2023 hingga 6 Mei 2023. Lawatan ke rumah-rumah untuk sesi penilaian kebersihan dan keceriaan halaman akan dijalankan pada 6 Mei 2023, pukul 9:30 pagi. Penyertaan dibuka kepada 220 buah rumah kediaman di kampung ini. Majlis penyampaian hadiah diadakan di Dewan Balora Mastika, Balik Pulau bermula pukul 8:00 malam.

Sila berikan nama dan alamat kepada Encik Afnan bin Abdullah. Penyertaan hendaklah dibuat sebelum atau pada 1 Mei 2023. Terima kasih.

Urus Setia Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Halaman Rumah